

Headline	Larangan lawat ladang unta kekal		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Jul 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	9	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	76 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 748
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,245



## Larangan lawat ladang unta kekal

**YAN** - Larangan melawat ladang unta sepanjang musim haji kali ini masih dikekalkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamin Khir Baharom berkata, peraturan yang dikuat kuasa sejak tahun lalu berikutan serangan Virus Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MersCoV) masih diguna pakai sehingga pengumuman baharu dibuat kerajaan Arab Saudi.

"Saya ingin berpesan juga kepada bakal jemaah haji negara ini, jangan ada yang senyap-senyap cuba membuat lawatan...kalau dibenarkan pihak berkuasa Arab Saudi, itu cerita lain.

"Nasihat saya jangan buat lawatan kerana kesannya bukan seorang, sebaliknya boleh meng-

akibatkan ramai jemaah lain turut dijangkiti," katanya selepas melancarkan Konvoi Skwad Briged Sukarelawan Kolej Komuniti (BriSK), di Masjid Jamek Badlishah, Pekan Yan, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Jamin Khir berkata, Tabung Haji sudah melakukan persediaan rapi termasuk menyediakan pasukan perubatan bagi memberikan perkhidmatan kepada seramai 22,320 jemaah Malaysia sepanjang musim haji tahun ini.

"Penerbangan pertama dijadual 4 Ogos ini dan sama seperti tahun sebelum ini Tabung Haji akan bawa pasukan perubatan sendiri. Kerajaan Arab Saudi juga turut perkemas pasukan perubatan mereka," katanya. - *Bernama*